

## UPSI Jalin Hubungan Strategik Antarabangsa dalam Pendidikan Inklusif

Kuala Lumpur, 3 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti of Helsinki, University of Eastern Finland dan Universitas Djuanda dalam usaha memperkuuh kerjasama akademik antarabangsa. Pengarah Akademik & Antarabangsa UPSI, Profesor Madya Dr. Ridzwan Che Rus berkata, lawatan tersebut mencerminkan komitmen bersama dalam memperkasakan pendidikan inklusif serta memperluaskan pertukaran ilmu antara institusi pengajian tinggi global.

Katanya, UPSI sentiasa menitikberatkan jalinan kerjasama antarabangsa bagi meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan, termasuk dengan institusi ternama seperti Universiti Oxford, Universiti Otago dan Universiti Swansea. "Perkongsian ini akan memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah untuk memperoleh pengalaman serta pendedahan dalam pertukaran ilmu dan amalan terbaik." Lawatan berkenaan diadakan menerusi program 'Inclusive Education in Co-Teaching Teams (INCO)' yang bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran lebih inklusif dan berdaya maju.

Program yang diadakan di bilik i-ZONE dan Digital Classroom, Fakulti Pembangunan Manusia, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI ini turut mempertemukan pendidik serta penyelidik daripada pelbagai latar belakang untuk berkongsi pengalaman serta idea inovatif dalam bidang pendidikan. Delegasi yang hadir turut diberikan taklimat mengenai peluang kerjasama yang boleh dijalankan, termasuk dalam penyelidikan bersama, pertukaran pelajar dan penganjuran persidangan akademik. "UPSI percaya inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam penyelidikan, mobiliti pelajar dan kecemerlangan akademik," tambah kenyataan itu. Tambah beliau, lawatan ini menjadi platform terbaik untuk memperkuuhkan hubungan akademik dan penyelidikan antara UPSI dan institusi luar negara. "Kami melihat ini sebagai satu peluang yang amat berharga untuk membina hubungan

strategik yang lebih erat dalam bidang akademik dan penyelidikan, terutama dalam aspek pendidikan inklusif yang semakin mendapat perhatian global," ujar beliau. Sementara itu, ahli panel University of Helsinki, Dr. Olli-Pekka Malinen berkata, melalui kerjasama seperti ini, Universiti of Helsinki, University of Eastern Finland dan Universitas Djuanda serta UPSI dapat terus memperkasakan kedudukannya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang kompetitif di peringkat antarabangsa.

"Kami berharap hubungan yang terjalin ini akan membawa manfaat jangka panjang kepada semua pihak terlibat, bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi juga dalam memperkuuh budaya penyelidikan dan inovasi di institusi pendidikan tinggi seluruh negara. "Lawatan ini diharapkan menjadi pemangkin kepada lebih banyak usaha kolaboratif pada masa hadapan dan menyatakan komitmen untuk meneruskan hubungan strategik demi memastikan pendidikan inklusif yang berkualiti dapat dinikmati oleh semua pihak," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Empat pelajar UPSI terpilih ikuti Program "Qari in Residence" di luar negara

**Tanjong Malim, 3 Mac** - Empat pelajar dan tiga pegawai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dipilih mengikuti Program "Qari in Residence" sebagai imam di tiga negara sepanjang Ramadan 2025, sekali gus mengharumkan nama institusi itu di peringkat antarabangsa. Empat pelajar berkenaan adalah penuntut Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qira'at dengan Pendidikan manakala seorang lagi adalah pegawai universiti tersebut. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata kejayaan itu mencerminkan usaha berterusan universiti dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja berilmu tetapi juga mempunyai nilai kepimpinan tinggi dalam komuniti Islam global.

"Saya berbangga dengan pencapaian ini kerana ia membuktikan bahawa UPSI bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan akademik tetapi juga pusat yang menyemai bakat dalam bidang keagamaan dan kepimpinan."

"Pemilihan mereka adalah satu penghormatan besar yang menunjukkan kepercayaan dunia luar terhadap keupayaan pelajar dan kakitangan kami sekali gus memberi impak positif kepada mereka dalam membentuk jati diri dan kepimpinan yang

mantap. "Kami melihat ini sebagai satu langkah ke hadapan dalam memperluaskan jaringan UPSI dengan pusat-pusat pengajian Islam di luar negara selain melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing di peringkat tempatan dan persada antarabangsa," kata Dr. Md Amin dalam kenyataan hari ini. Jelas Dr. Md Amin, mereka bukan sahaja akan berperanan sebagai imam, tetapi juga sebagai duta kecil yang memperkenalkan keindahan Islam dan budaya Malaysia kepada masyarakat luar.

Pelajar, Muhammad Badrul Amin Derome yang diiringi Profesor. Madya Dr. Ibrahim Hashim berangkat ke United Kingdom untuk mengimamkan solat tarawih di Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS). Sementara itu, Muhammad Fathmi Izwan Rusli akan bertugas di Education Malaysia Australia (EMA), Sydney, Australia serta pelajar, Wan Muhammad Irsyad Wan Zulkifli dan Ahmad Najmuddin Marwan yang diiringi Profesor. Dr Abdul Rahman Abd Ghani pula menyertai program berkenaan di Masjid Darul Ghurfa, Singapura. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam UPSI, Muhammad Safwan Ismail pula mengimamkan solat tarawih di Education Malaysia Australia, Perth dan Australia. UPSI bukan sahaja melahirkan pelajar cemerlang akademik, tetapi juga dalam bidang keagamaan.

## UPSI Santuni Petugas Barisan Hadapan Menerusi Program Jom Sahur

**Tanjong Malim, 9 Mac** – Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengambil peluang dalam mengimarahkan bulan Ramadan dengan menyantuni barisan hadapan dalam program Jom Sahur Bersama Frontliner Muallim selama dua hari pada 8 dan 9 Mac baru-baru ini. Menurut Pengarah UCTC, Prof. Dr. Mohd Azlan Nafiah, Program Jom Sahur bersama Frontliner Muallim ini adalah salah satu medium yang

sangat baik untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat, khususnya bersama para *frontliner* yang berkorban demi keselamatan dan kesejahteraan orang ramai sepanjang bulan Ramadan. "Alhamdulillah, sambutan program yang dianjurkan sangat meriah dan sebanyak 100 pek juadah sahur telah berjaya diagihkan kepada petugas-petugas barisan hadapan iaitu di Balai Polis dan Balai Bomba dan Penyelamat di sekitar Daerah Muallim.



**Tahniah**  
Prof. Madya Dr. Saipolbarin Ramli (Ketua)  
Atas Kejayaan Memenangi  
**Pingat Perak**  
**MTE 2025**

**NAMA PROJEK:**  
Program Pensijilan Profesional Guru Takmir

**PENYELIDIK BERSAMA:**  
Dr. Taj Rijal Muhamad Romli  
Dr. Mohammad Taufiq Abdul Ghani  
Dr. Zarima Mohd Zakaria  
Dr. Nazri Atoh

**PTJ:** FBK  
**IKHLAS DARIPADA**  
Pengerusi dan Ahli LPU,  
Naib Canselor, Barisan Pengurusan Universiti  
serta seluruh warga UPSI

## Modul Transformatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dengan Konsep Futuristik untuk Program Pensijilan Profesional Guru Takmir

Modul ini, dibangunkan oleh Program Bahasa Arab, Universiti Pendidikan Sultan Idris, bertujuan memperkasa nilai akademik Guru Takmir melalui kursus berstruktur. Ia merupakan inisiatif pertama oleh universiti awam di Malaysia dalam pembangunan profesional Guru Takmir secara holistik dan inovatif.

Menggunakan pendekatan ADDIE, modul ini memastikan pembangunan sistematis dan berkesan. Elemen transformatifnya meningkatkan kemahiran pedagogi dan akademik melalui 12 kursus berkredit dalam bidang bahasa Arab, teknologi, dan ilmu turuth Islam. Elemen futuristik diterapkan melalui platform pembelajaran terbuka dalam talian (MOOC), yang membolehkan akses fleksibel. Kajian ke atas 19 peserta rintis dari Zon Utara menunjukkan

peningkatan dalam kemahiran bahasa Arab, integrasi teknologi, dan pemahaman ilmu turuth Islam.

Keaslian Inovasi Modul

1. Modul Perintis Universiti Awam – Pertama di Malaysia dalam pembangunan profesional Guru Takmir.
2. Pendekatan ADDIE – Struktur sistematis yang jarang digunakan dalam pembangunan modul ini.

3. Integrasi Teknologi (MOOC) – Memudahkan pembelajaran sepanjang hayat secara digital.
4. Kandungan Modular – Menggabungkan ilmu turuth, teknologi, dan bahasa Arab.
5. Berdasarkan Data Empirikal – Kajian membuktikan peningkatan kemahiran peserta.

Kesediaan Pasaran

1. Relevan dengan

Keperluan – Memberikan kemahiran pedagogi dan teknologi terkini.

2. Platform MOOC – Mudah diakses dari mana-mana lokasi.
3. Potensi Luas – Boleh diperluaskan ke seluruh Malaysia.
4. Piawaian Tinggi – Dibangunkan secara sistematis.
5. Potensi Penjanaan – Berpotensi sebagai kursus pensijilan profesional berbayar.

Pencapaian

- Gold Award: PIP 2024, Hari Inovasi PPAL 4.0 UMK Kelantan, INNOZILLA 2024 USM
- Silver Award : MTE 2025

Projek ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Saipolbarin bin Ramli, bersama Dr. Taj Rijal bin Muhamad Romli, Dr. Mohammad Taufiq Bin Abdul Ghani, Dr. Zarima binti Mohd Zakaria, dan Dr. Nazri bin Atoh.



Taklimat APEL.Q UPSI  
Tingkatkan Kerjaya Warga JKKN



Peruntukan Kewangan Badan Pelajar oleh MPP UPSI



Ramadan di UPSI: Kepimpinan Prihatin, Masyarakat Sejahtera



Majlis Berbuka Puasa bersama DYMM Paduka Seri Sultan Perak dan DYMM Raja Permaisuri Perak